



NEGARAKU
SEHATISEJIWA

PERATURAN PERTANDINGAN 'EXPLORACE MERDEKA'

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan terikat dengan peraturan-peraturan Universiti Utara Malaysia.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

29 Ogos 2017 (Selasa) bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua. Penyertaan hendaklah dibuat melalui borang penyertaan pertandingan yang telah disediakan.
- 4.2 Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian hendaklah menghantar borang pengesahan penyertaan kepada Jawatankuasa pertandingan **SELEWAT-LEWATNYA 24 Ogos 2017 (Khamis)**.
- 4.3 Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan 4 orang peserta saja.

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Terbuka kepada semua staf Universiti Utara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas sahaja .
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan kad pengenalan bagi setiap peserta bersama dengan borang pendaftaran peserta.
- 5.3 Hanya pasukan yang didaftarkan dengan wang pendaftaran RM 50.00 mengikut **Peraturan Am Perkara 7.2** sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan dijalankan iaitu pada **28 Ogos 2017**, jam 10 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan kad pengenalan untuk pengesahan pertandingan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa pengesahan pasukan pasukan adalah **muktamad**.
- 6.4 Sebarang perubahan ahli pasukan hendaklah dimaklumkan semasa taklimat pengurus pasukan.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Semua pasukan diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak penganjur pada setiap masa sepanjang pertandingan ini berlangsung.
- 7.2 Arah tuju lokasi "Explorace Merdeka" adalah berpandukan "clue" (soalan) yang akan diberi di permulaan acara dan tempat-tempat yang ditetapkan pihak penganjur.
- 7.3 Setiap ahli dalam pasukan akan diberikan "Treasure Hunt Check Point Card" dan setiap lokasi/check point yang ditemui berdasarkan "clue" yang diberikan perlu dapatkan bukti penemuan daripada pegawai bertugas dan melengkapkan aktiviti yang ditetapkan di setiap check point.
- 7.4 "Explorace Merdeka Check Point Card" yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai bertugas di check point terakhir di Pusat Sukan UUM.
- 7.5 Setiap pasukan perlu melengkapkan "Explorace Merdeka Check Point Card" yang diberikan.

8.0 SISTEM PEMBERIAN MARKAH DAN PENENTUAN PEMENANG

- 8.1 Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur berdasarkan ciri penilaian dari segi:
 - a) Melengkapkan semua tugas diberi.
 - b) Jawapan yang tepat berdasarkan soalan yang diberikan di *checkpoint*

c) Kerjasama pasukan dan lain-lain

8.2 Keputusan pertandingan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

a) Setiap jawapan yang tepat dan lengkap ("Explorace Merdeka Check Point Card").

b) Markah akan ditolak sekiranya ada tugas atau check point yang tidak Berjaya dilengkapkan oleh peserta.

9.0 PAKAIAN

9.1 Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian sukan yang bersesuaian.

10.0 UNDANG-UNDANG PERLAWANAN

10.1 Taklimat pengadil akan diberi sebelum perlawanan pertama dimulakan. Keputusan pengadil adalah muktamad.

11.0 MENENTUKAN KEMENANGAN BAGI SESUATU PERLAWANAN

11.1 Keputusan pengadil adalah muktamad, keputusan ditentukan berdasarkan syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan dan skema pemarkahan yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

12.0 BANTAHAN

12.1 Bantahan terhadap keputusan atau soal pemain yang tidak layak mestilah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Pengelola dan hendaklah diserahkan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas tamatnya perlawanan berkenaan dengan disertai wang tunai RM100.00 Wang cagaran akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.

12.2 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang diputuskan oleh Pengadil di tempat permainan.

13.0 KESELAMATAN

13.1 Pihak penganjur bertanggungjawab di atas penyediaan pegawai keselamatan kepada pegawai dan peserta semasa permainan seperti di dalam jadual serta mengambil langkah-langkah keselamatan terhadap pasukan, pegawai dan pemain sepanjang kejohanan ini.

14.0 KENDERAAN PERTANDINGAN

Para peserta perlulah menyediakan kenderaan sendiri iaitu sebuah kereta yang telah didaftarkan bagi maksud pertandingan ini.

15.0 HADIAH / MEDAL

Hadiah disediakan seperti berikut:-

JOHAN	-	RM 200.00 + Hamper
NAIB JOHAN	-	RM 150.00 + Hamper
KETIGA	-	RM 100.00 + Hamper

16.0 PERINGATAN

- 16.1. Jawatankuasa pengelola kejohanan adalah berhak dan berkuasa menambah, meminda, menolak dan menerima atas sebarang perkara yang dinyatakan di dalam peraturan di atas.
- 16.2. Pengurus pasukan hendaklah memastikan setiap pemain menjaga kebersihan dan harta benda Universiti.
- 16.3. Setiap pasukan dan pemain **DILARANG** merusuh atau melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara semasa berlangsungnya kejohanan ini.